

SOALAN NO: 43

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : KHAMIS, 27 OKTOBER 2016

RUJUKAN : L6 [PR-1343-L76608]

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan apakah perancangan untuk membangunkan Projek Kawasan Hutan Tugu Negara, Kuala Lumpur

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kepong, projek Pembangunan Taman Tugu merupakan projek pemeliharaan dan pemuliharaan hutan semulajadi yang berkonsepkan pendidikan, keluarga dan masyarakat dan aktiviti rekreasi secara ‘Tanggungjawab Sosial Korporat’ (*Corporate Social Responsibility*) oleh Khazanah Nasional Berhad.

Projek ini melibatkan kawasan berkeluasan 66 ekar yang terletak berhampiran dengan Tugu Negara. Pembangunan ini akan menjadikan kawasan tersebut sebagai ‘Taman Hutan Bandar’ yang menjadi mercu tanda baru dan tarikan pelancongan bagi Kuala Lumpur. Cadangan pembangunan Taman Tugu ini tidak melibatkan kawasan Tugu Negara dan Taman Botani Perdana (Taman Tasik Perdana).

Bagi memastikan Taman Tugu dapat dimanfaatkan oleh orang awam dan tidak jatuh kepada pihak swasta, Badan Pemegang Amanah akan ditubuhkan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 bagi mengurus Taman Tugu dan aset-aset di bawahnya. Penubuhan Badan Pemegang Amanah ini bertujuan untuk memastikan Taman Tugu ini terpelihara dan kekal sebagai kawasan lapang awam untuk selama-lamanya.

Pembangunan komponen Taman Tugu seluas 66 ekar ini dianggarkan sebanyak RM143 juta dan dijangka siap pada tahun 2018. Manakala, komponen ke-2 yang melibatkan pembinaan laluan penghubung/pengantaraan (*connectors*) dianggarkan sebanyak RM205.0 juta dan

komponen ke-3 iaitu pembinaan Pusat Latihan dan Inovasi Awam (Khazanah Ilmu) pula dianggarkan sebanyak RM204.5 juta. Komponen ke-2 dan ke-3 ini dijangka siap pada tahun 2020. Komponen ke-4 pula akan diperuntukkan RM97.5 bagi tujuan membiayai kos operasi dan penyelenggaraan serta penganjuran aktiviti sosial dan rekreasi sehingga tahun 2030.

Proses perolehan tender bagi pelaksanaan projek ini sedang dilaksanakan oleh Khazanah Nasional Berhad. Proses perolehan ini dijalankan berasaskan kepada prinsip tadbir urus korporat yang telus dan terikat kepada peraturan dan garis panduan perolehan yang digunakan oleh semua syarikat di bawah Khazanah Nasional Berhad. Memandangkan proses ini masih di peringkat awal, tiada lagi mana-mana syarikat yang telah dilantik untuk kerja-kerja penanaman pokok di Taman Tugu.

Tuan Yang Dipertua, antara faedah-faedah yang diperolehi daripada pembangunan Taman Tugu kepada rakyat dan negara adalah:

- i. orang ramai dapat menggunakan 90% kemudahan yang disediakan secara percuma;
- ii. kawasan ini akan menjadi tarikan utama pelancong dan dijangkakan anggaran hasil daripada industri pelancongan dan yang berkaitan adalah sebanyak RM400 juta setahun;
- iii. Taman Tugu akan menghubung dan melengkapkan jaringan kawasan-kawasan pelancongan di sekitar Kuala Lumpur seperti

Taman Botani Perdana, *Heritage Trail* dan Projek *River of Life* termasuk hab pengangkutan di KL Sentral;

- iv. pembangunan ini adalah selari dengan cadangan untuk meningkatkan kedudukan Kuala Lumpur dalam Indeks Daya Huni (*Liveability Index*); dan
- v. kawasan hutan hujan semula jadi di Taman Tugu akan dapat dijadikan sebagai pusat kajian dan penyelidikan bagi mengekal dan memelihara alam semula jadi di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang dijelaskan sebentar tadi bahawa Projek Taman Tugu ini tidak melibatkan Tugu Negara dan merupakan sebuah projek yang bertujuan untuk memelihara dan memulihara hutan semulajadi yang berkonsepkan pendidikan, keluarga dan masyarakat dan aktiviti rekreasi untuk orang awam dan bukannya khusus untuk mana-mana kumpulan. Walau bagaimanapun bagi menghargai perkhidmatan dan sumbangan anggota tentera dan polis, akan disediakan juga papan informasi yang memaparkan sejarah Polis di-Raja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Secara keseluruhannya, Kementerian berpandangan pembangunan Taman Tugu ini merupakan inisiatif baru Kerajaan untuk mengekalkan dan memulihara kawasan hijau dalam bandar melalui program CSR yang akan dapat dimanfaat sepenuhnya oleh orang ramai.